

Qi Parlimen
MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEDUABELAS 2011

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARI SELASA: 18 OKTOBER 2011

CAWANGAN
PERUNDANGAN PARLIMEN
MALAYSIA.

SOALANNO: 1 /

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

DARIPADA DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE
[SETIU]

TARIKH 18 OKTOBER 2011 (SELASA)

SOALAN:

Dato' Mohd Jidin bin Shafee [Setiu] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan langkah-langkah Kementerian dalam memastikan wartawan tempatan yang membuat liputan di kawasan konflik atau perang dilindungi dan apakah usaha Kementerian dalam menjalinkan hubungan dengan agensi-agensi media berkaitan dalam menangani isu itu.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Kerajaan memang sentiasa mengalu-alukan firma media membuat persediaan seperti melatih pemberita atau jurugambar mereka membuat liputan secara selamat di kawasan-kawasan berisiko tinggi seperti di negara-negara dalam keadaan perang atau yang menghadapi bencana alam seperti gempa bumi, tanah runtuh, banjir, tsunami dan sebagainya.

SOALAN NO: 1[^]

Adalah menjadi tanggungjawab firma-firma media untuk memastikan pemberita atau jurugambar mereka diberikan latihan untuk menghadapi situasi bahaya yang boleh mengancam nyawa mereka semasa membuat liputan di kawasan berisiko tinggi. Selain itu, firma-firma media harus mempunyai tatacara pelaksanaan kerja (*standard operation procedure*) sendiri dalam menghadapi liputan seperti ini.

Pihak Kerajaan sedia membantu mana-mana firma media untuk melatih pemberita atau jurugambar mereka bagi tujuan-tujuan tersebut. Mereka boleh diberikan latihan ala-tentera mengenai taktik dan teknik menghadapi kelangsungan hidup (*survival*). Selain itu, firma-firma media pula haruslah bersedia membekalkan kelengkapan keselamatan seperti baju kalis peluru, topi besi, jaket keselamatan, topeng gas, alat-alat perkhemahan dan sebagainya untuk kegunaan pemberita atau jurugambar mereka yang membuat liputan di kawasan berisiko tinggi.

SOALAN NO: 2^

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN DARI	LISAN	PAD A
TARIKH	RUJUKAN	YB. DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]
SOALAN	SELASA, 18 OKTOBER 2011 02	
	[PR-1243-L46133]	

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan bilangan program yang sedia dan akan dilaksanakan untuk memperbaiki sistem pengangkutan di Kuala Lumpur termasuk kawasan Kepong. Apakah masalah yang dihadapi dan syor untuk mengatasinya.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kepong, pada keseluruhannya Bandaraya Kuala Lumpur mempunyai sistem pengangkutan yang memuaskan dengan rangkaian jalan raya yang lengkap, serta kadar kebolehsampaian (accessibility) yang tinggi. Ditambah pula dengan perkhidmatan sistem pengangkutan awam samada sistem rel, bas serta teksi yang sedang dipertingkatkan dari masa ke semasa.

Beberapa program/projek telah dan sedang dilaksanakan untuk meningkatkan lagi sistem pengangkutan di Bandaraya Kuala Lumpur. Program/projek adalah seperti berikut :

- a) Menambah kapasiti jalan-jalan utama dengan projek-projek menaiktaraf jalan, membina persimpangan bertingkat dan jejambat serta menghubungkan jalan-jalan yang tidak bersambung (missing link).
- b) Menggalakan penggunaan pengangkutan awam dengan menyediakan kemudahan 'park and ride' berhampiran stesen sistem rel, mengadakan rangkaian pejalan kaki berbumbung antara stesen sistem rel ke kawasan aktiviti dan membina rangkaian pejalan kaki yang menghubungkan bangunan ke bangunan.
- c) Melaksanakan strategi pengurusan trafik seperti menguatkuasakan larangan kemasukan kenderaan berat ke pusat bandar pada waktu puncak pagi dan petang, mengujudkan aliran kontra, menggunakan sistem lampu isyarat berkomputer, membenarkan belok kiri semasa

lampu merah (jika selamat), mengadakan sistem laluan sehalu, mengurus insiden serta menyediakan ruang punggah- memunggah dengan menetapkan masa khas untuk aktiviti ini.

- d) Menjalankan tindakan penguatkuasaan yang lebih ketat dengan menunda kenderaan yang menghalang serta tindakan bersepadu bersama agensi-agensi lain seperti Polis Di Raja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD).

Program-program yang disebutkan tadi adalah program/projek yang dirancang dan dilaksanakan secara berterusan dari masa ke semasa bagi memastikan sistem pengangkutan di Bandaraya Kuala Lumpur mencapai satu tahap yang baik.

Berkaitan dengan masalah yang sering mengganggu kelancaran lalulintas di Kuala Lumpur, ianya disebabkan oleh perkara- perkara berikut:

- a) **Kadar pemilikan kereta** meningkat antara 8 - 12% setahun dalam tempoh 5 tahun yang lepas menyebabkan isipadu lalulintas terlalu tinggi di mana jalan-jalan sedia ada tidak mampu menampung dan menjadi tepu.
- b) **Kadar kenderaan dinaiki** seorang terlalu tinggi serta pisahragam (modal split) antara pengguna kenderaan persendirian dengan pengangkutan awam yang rendah iaitu 85:15
- c) **Halangan-halangan lalulintas** kesan dari sikap pemandu yang tidak mematuhi peraturan lalulintas dan kejadian- kejadian seperti

kemalangan, serta projek-projek pembangunan.

Justeru, langkah-langkah yang dicadangkan untuk mengatasi masalah-masalah di atas adalah seperti berikut:

- a) **Kebergantungan kepada kenderaan persendirian**
terutamanya kereta boleh dikurangkan dengan menggunakan sistem pengangkutan awam sedia ada.
- b) **Penguatkuasaan yang lebih ketat dan berterusan.**
- c) **Menambah dan menaiktaraf kemudahan-kemudahan pengangkutan awam** seperti terminal HAB (iaitu hentian bas bandar) dan 'park and ride' yang terdapat dalam inisiatif NKRA pengangkutan awam.
- d) **Melengkapkan rangkaian jalan raya** khususnya jalan- jalan lingkaran serta jalan-jalan jajaran keluar bandar.

Bagi kawasan Kepong sememangnya diakui bahawa kelancaran lalulintasnya semakin merosot disebabkan oleh pembangunan yang begitu pesat di mana kepadatan penduduk bagi setiap ekar semakin meningkat dengan cepat. Keadaan ini menyebabkan permintaan kepada pengangkutan juga turut sama meningkat. Jalan Kepong, Kuala Selangor merupakan jalan utama untuk memasuki Kuala Lumpur dan mempunyai lapan (8) persimpangan dengannya.

Jumlah lorong setiap arah juga tidak sama di mana ada bahagian mempunyai 3 lorong sehala, manakala dibahagian Pekan Kepong pula mempunyai 2 lorong sehala disebabkan oleh keperluan tempat letak kereta tepi jalan memandangkan premis-premis perniagaan mengadap terus ke jalan besar. DBKL telah pun merancang untuk menjajarkan semula lorong-lorong tersebut di samping membatalkan pergerakan belok ke kanan di beberapa persimpangan untuk kelancaran trafik.

SOALAN NO.: 3

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
LISAN

Y.B. DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD

PERTANYAAN

SIPITANG

18 DARI PADA

OKTOBER 2011 (SELASA)

KAWASAN

SOALAN:

TARIKH

Y.B. DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD (SIPITANG) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan perkembangan cadangan pembinaan lebuh raya empat lorong Kota Kinabalu-Papar-Beaufort- Sipitang, memandangkan jalannya perlu dinaik taraf dan sering mengundang banyak kemalangan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua;

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan Persekutuan sememangnya komited dan memberikan keutamaan yang tinggi bagi membina dan menaik taraf rangkaian jalan raya di Negeri Sabah, termasuk Jalan Persekutuan Pantai Barat Negeri Sabah (Kota Kinabalu - Papar - Beaufort - Sipitang) yang merupakan sebahagian dari jalan Persekutuan Pan Borneo. Walau bagaimanapun pelaksanaan projek menaik taraf Jalan Pan Borneo ini akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dalam setiap Rancangan 5 Tahun Kerajaan berikutan kos projek yang sangat tinggi.

Sehubungan itu, antara segmen projek menaik taraf Jalan Pantai Barat Negeri Sabah yang telah dicadangkan kepada Agensi Pusat dalam Tempoh Separuh Kedua RMKe-10 ini ialah Projek Menaik Taraf Jalan Persekutuan dari Miri ke Kota Kinabalu sepanjang 325 kilometer. Skop projek dengan anggaran kos RM513 juta ini turut melibatkan jajaran dari Sindumin - Sipitang - Beaufort - Papar - Kota Kinabalu, iaitu cadangan menaik taraf jalan dari satu lorong sehala kepada dua lorong 2 hala (*dual two carriageway*) sepanjang 175 kilometer. Di samping itu, Kementerian Kerja Raya juga mencadangkan keutamaan untuk menaik taraf jalan dari Donggongan ke Persimpangan jalan Papar Spur di Pantai Barat Sabah sepanjang 42 kilometer.

Cadangan kedua-dua projek ini telah dikemukakan kepada Unit

Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri sebagai antara projek berkeutamaan tinggi untuk dilaksanakan dalam Tempoh Separuh Kedua RMKe-10. Namun demikian pelaksanaan projek-projek tersebut dalam RMKe-10 ini masih tertakluk kepada kelulusan dari Agensi Pusat berkenaan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHO PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN SIM TONG HIM
KAWASAN : KOTA MELAKA
TARIKH : 18.10.2011 (Selasa)
NO. SOALAN :

TUAN SIM TONG HIM minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan:

- (a) bilangan Lesen Pengilang (*Manufacturing Licence*) yang dikeluarkan oleh Kementerian sehingga bulan Ogos tahun ini dan nyatakan semua syarat dan keperluan untuk

mendapatkan lesen ini; dan

(b) asas pertimbangan untuk mengecualikan syarat dan keperluan untuk lesen ini.

Jawapan:

Tuan Yang Dipercua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi tempoh Januari sehingga Ogos 2011, sebanyak 486 Lesen Pengifang (*Manufacturing Licence*) telah diufuskan oleh MITI di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975.

2. Mengenai asas pertimbangan untuk mengecualikan syarat dan keperluan untuk Lesen Pengifang, adalah dimaklumkan bahawa berdasarkan akta tersebut, hanya syarikat yang menjalankan aktiviti perkilangan yang memiliki dana pemegang saham sekurang-kurangnya RM2.5 juta atau menggaji pekerja sepenuh masa sekurang-kurangnya 75 orang dikehendaki mempunyai Lesen Pengifang. Pengecualian daripada mendapatkan Lesen Pengifang diberikan kepada syarikat-syarikat yang mempunyai dana pemegang saham dan jumlah pekerja sepenuh masa kurang daripada jumlah yang telah ditetapkan tersebut.

NO SOALAN: 5

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
LISAN

Y.B PERTANYAAN PUAN TAN AH HENG (GELANG
PATAH)

DARIPADA

18.10.2011
(SELASA)

TARIKH

SOALAN

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan

- (a) langkah-langkah untuk menyelesaikan masalah banjir berpunca daripada Tapak Projek Pembinaan Kompleks 7 Briged Kem Skudai; dan
- (b) bilakah Projek Pemulihan berkaitan akan bermula selepas lawatan PAC.

SOALAN NO : 6

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menyelesaikan masalah banjir yang berpunca daripada tapak projek pembinaan Kompleks 7 Briged, Kem Skudai, Kementerian Pertahanan telah memperuntukkan sebanyak RM500 ribu pada tahun 2010 bagi pembaikan dan penyelenggaraan sistem perangkap lumpur di kawasan tapak pembinaan tersebut.

Lawatan tapak telah dilakukan oleh pihak Kementerian bersama dengan Pengerusi dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara pada 25 Mei 2011 untuk mengenalpasti dan mencari jalan penyelesaian agar banjir lumpur tidak berulang lagi di kawasan perumahan yang berhampiran.

Ekoran daripada lawatan tersebut, pelantikan kontraktor bagi pembaikan dan penyelenggaraan sistem perangkap lumpur telah dibuat pada awal bulan Oktober 2011. Setakat ini dua daripada empat perangkap lumpur telah siap. Keseluruhan kerja-kerja tersebut dijangka siap sepenuhnya pada 05 November 2011.

SOALAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA TUAN CHUA TIAN CHANG [BATU]

TARIKH 18 OKTOBER 2011 (SELASA)

SOALAN

Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan : -

- (a) sama ada Kerajaan akan membubarkan Majlis Perundingan Media (MPM) setelah mendapat bantahan keras daripada kalangan anggota media ; dan
- (b) bagaimana pihak Kementerian melantik anggota-anggota MPM dan mengapakah tidak merangkumi media portal online dan MPM.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Penubuhan Majlis Perundingan Media Negara adalah masih lagi di peringkat cadangan. Kerajaan masih lagi mengkaji bagaimana struktur majlis tersebut akan dibentuk.

Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah mengadakan satu mesyuarat untuk mendapatkan pandangan daripada pihak media mengenai cadangan penubuhan Majlis Perundingan Media Negara pada 25 Julai 2011. Sehubungan itu, Kerajaan telah mengambil maklum dan perhatian akan pandangan semua wakil pihak media yang hadir dalam usaha untuk mewujudkan satu majlis yang bermanfaat bagi kedua belah pihak.

SOALAN NO:#

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. DATUK WIRA AHMAD BIN HAMZAH

: [JASIN]
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 18/10/2011

SOALAN

Y.B. DATUK WIRA AHMAD BIN HAMZAH [JASIN] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan adakah Bank Negara Malaysia (BNM) memikirkan kaedah terbaik untuk mengguna pakai emas sebagai alternatif mata wang dan menggalakkan simpanan mengambil kira masyarakat antarabangsa menganggap komoditi ini sebagai '*safe heaven*'.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini, Ringgit akan kekal sebagai mata wang tunggal yang sah sebagai medium pembayaran dan penjelasan bagi transaksi pembelian barangan dan perkhidmatan di Malaysia. Manakala, emas boleh digunakan bagi tujuan pelaburan dan bukan sebagai suatu bentuk pembayaran.

2. Harga emas juga adalah seperti nilai ringgit, ditentukan oleh kuasa pasaran, iaitu mengikut permintaan dan penawaran. Justeru, harga emas boleh mengalami kenaikan dan penurunan nilai bergantung kepada keadaan pasaran. Oleh yang demikian, penggunaan emas untuk urus niaga tidak akan dapat mencegah penyusutan nilainya.

3. Penggunaan wang berasaskan komoditi seperti emas dalam urus niaga juga akan menyebabkan orang ramai menanggung risiko tertentu seperti kurangnya penerimaan nilai muka komoditi tersebut disebabkan oleh kenaikan atau penurunan harganya yang akan mewujudkan ketidakpastian dalam sesuatu urus niaga. Selain itu, masalah untuk mengesahkan ketulenan logam seperti duit

syiling emas serta kemungkinan berlakunya pemalsuan yang berleluasa. Pengguna akan menghadapi kesukaran untuk mengesahkan kualiti dan nilai sebenar duit syiling emas mereka. Ini boleh mewujudkan ketidakpastian yang ketara dalam urusan niaga dan meningkatkan risiko pemalsuan yang akan menjejaskan hak dan perlindungan pengguna. Selain itu, penggunaan emas sebagai mata wang juga melibatkan *'holding cost'* berbanding dengan penggunaan wang kertas.

4. Daripada aspek simpanan Bank Negara Malaysia telah menggubal dan melaksanakan pelbagai strategi untuk menggalakkan sikap menyimpan dan melabur dikalangan orang ramai disamping mempertingkatkan lagi sebaran maklumat dan usaha pendidikan kewangan bagi memastikan masyarakat pada amnya mempunyai pengetahuan dan kemahiran untuk menguruskan kewangan mereka dengan lebih bijak.

5. Bank Negara Malaysia turut menggalakkan institusi-institusi kewangan

menyediakan produk-produk kewangan yang dapat memenuhi kehendak dan keperluan orang ramai. Buat masa ini terdapat beberapa buah bank perdagangan di Malaysia yang menawarkan produk akaun simpanan emas serta menjual syiling dan jongkong emas kepada orang ramai bagi tujuan simpanan dan pelaburan.

6. Sebarang cadangan bagi penggunaan emas sebagai alternatif kepada mata wang sedia ada memerlukan kajian yang teliti dan mendalam. Dalam konteks ekonomi global, penggunaan emas sebagai alternatif matawang masih belum jelas dan terbukti. Apa yang lebih penting untuk negara adalah memastikan dasar dan pengurusan kewangan yang cekap, teratur dan dinamik yang dapat menyokong perdagangan antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

PERTANYAAN USAN
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
DARIPADA Y.B. DATO' NGEH KOO HAM
(BERUAS)
TARIKH 18.10.2011

SOALAN:

Y.B. DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau bersedia menjadikan semua sekolah-sekolah bantuan modal di ladang kepunyaan GLC (Government Link Companies) seperti Sime Darby Berhad sekolah bantuan penuh Kerajaan. Kalau tidak, kenapa.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Dalam menukar status sesebuah sekolah bantuan modal kepada sekolah bantuan penuh Kerajaan termasuklah di ladang GLC seperti di kawasan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mempunyai peraturan- peraturan tertentu yang perlu diikuti.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Pendidikan 1996 dengan jelas menerangkan status sesebuah sekolah. Dalam hal ini, Kerajaan tidak boleh sewenang-wenangnya mengambil tanah tapak sekolah yang bukan kepunyaan Kerajaan melainkan pemilik tanah tersebut secara sukarela menyerahkannya kepada Kerajaan. Di samping itu, banyak aspek lain perlu diberikan perhatian terhadap dasar mengambil alih sekolah berkenaan seperti persetujuan semua ibu bapa, lembaga pengelola dan PIBG; proses pengambilalihan tanah; penyediaan tapak dan pemilihan lokasi yang sesuai; serta kos pembinaan infrastruktur. Perkara yang lebih utama dalam hal ini adalah kemampuan kewangan Kerajaan untuk melaksanakan semua perkara-perkara tersebut. Perlu dijelaskan bahawa masih banyak sekolah Kerajaan khususnya di luar bandar dan pedalaman sangat memerlukan perhatian khususnya dari segi pembangunan dan kemudahan fizikal.

Namun demikian, Kerajaan tidak pernah mengabaikan tanggungjawabnya terhadap pembangunan sekolah-sekolah sama ada sekolah Kerajaan ataupun sekolah bantuan Kerajaan. Dalam hal ini, KPM memberi peruntukan kepada semua jenis aliran sekolah termasuklah sekolah-sekolah jenis kebangsaan. KPM sedia menyalurkan bantuan kewangan

yang diperlukan, tertakluk kepada peruntukan kewangan yang diperuntukkan kepada KPM.

Rjm 33

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**BERTANYAAN
DARIPADA
TARIKH
SOALAN**

**JAWAB LISAN
DATO' SIRINGAN BIN GUBAT
18 OKTOBER 2011 (SELASA)
NO. 9 /**

Datuk Siringan Bin Gubat [Ranau] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan perkembangan terkini projek Kolej Komuniti di Ranau. Adakah tapak sudah tersedia dan bilakah pelaksanaannya dapat dimulakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan sesebuah Kolej Komuniti adalah dibuat berdasarkan kepada keperluan semasa serta berpandukan kepada kajian *Needs Analysis*, dengan izin, di mana di antara faktor yang diambilkira adalah:-

- Jumlah bilangan penduduk;
- Jumlah bilangan pusat atau institusi latihan kemahiran awam yang terdapat di kawasan berkenaan;
- Tahap kapasiti institusi-institusi berkenaan;
- Pembangunan dan aktiviti industri setempat;
- Potensi bilangan pelajar yang akan memasuki Kolej Komuniti; dan
- Mempunyai peruntukan.

Kementerian Pengajian Tinggi juga dihadkan peruntukan bagi projek-projek pembangunan baru, termasuk rancangan untuk menubuhkan lebih banyak lagi Kolej Komuniti di Ranau dan lain-lain bandar. Sehubungan itu, tumpuan Kementerian adalah untuk melaksanakan projek Kolej Komuniti sambungan dan memperkasakan lagi Kolej Komuniti sedia ada yang sedang dalam operasi.

Di Sabah, Kolej Komuniti Induk yang beroperasi dengan berjaya terletak di Tawau dan sebuah Kolej Komuniti Cawangan di Semporna. Pada awal tahun hadapan, Kolej Komuniti Induk di Lahad Datu akan menerima pelajar pertamanya pada awal tahun hadapan, sementara di Sandakan pula, pada pertengahan 2012. Sebuah lagi Kolej Komuniti Induk di Beaufort sedang dalam peringkat pembinaan dan dijangka siap pada tahun 2012.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARIPADA	DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [TELOK KEMANG]
TARIKH	18 OKTOBER 2011

SOALAN:

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta PERDANA MENTERI menyatakan setakat manakah tahap perancangan pelaksanaan yang telah dibuat oleh Suruhanjaya Kesaksamaan Peluang (*Equal Opportunity Commission*) untuk merealisasikan objektif penubuhan suruhanjaya tersebut.

SOALAN10

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan Suruhanjaya Kesaksamaan Peluang (*Equal Opportunity Commission*). Konsep 1 Malaysia yang berteraskan negara berpendapatan tinggi, terangkum dan mampan adalah intipati kepada halatuju negara. Empat prinsip iaitu mesra pasaran, berdasarkan keperluan, berasaskan merit dan ketelusan akan memastikan setiap rakyat akan dapat menikmati peluang yang saksama sudahpun mula dilaksanakan dalam GTP dan ETP.

Soalan No : 11

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATO' SERI DR. ABDULLAH BIN MD. ZIN (BESUT)
TARIKH	18.10.2011

SOALAN:

Y.B. DATO' SERI DR. ABDULLAH BIN MD. ZIN [BESUT] minta Menteri Pelajaran menyatakan statistik pelajar sekolah menengah yang terlibat dalam kes jenayah mengikut negeri dalam tempoh lima (5) tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Terlebih dahulu Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) merakamkan ucapan terima kasih kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan lain-lain agensi atas kerjasama dalam membanteras salah laku murid termasuklah jenayah khususnya kes-kes yang berlaku di luar kawasan sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan murid yang terlibat dengan jenayah adalah kecil. Statistik KPM menunjukkan sepanjang tempoh lima tahun iaitu dari tahun 2006 hingga 2010, bilangan murid sekolah menengah seluruh negeri yang terlibat dalam pelbagai kegiatan jenayah adalah seramai 1,737 (0.03%) orang setahun. Antara lima negeri yang merekodkan kes tertinggi adalah Selangor melibatkan 312 orang murid setahun (17.96%); Kedah 216 (12.44%); Kelantan 173 (9.96%); Perak seramai 167 (9.61%); dan Terengganu seramai 113 orang (6.51%).

Sungguhpun bilangan murid yang terlibat dalam salah laku jenayah adalah rendah dan terkawal, namun KPM tetap menganggap masalah ini serius dan perlu dibendung di peringkat akar umbi supaya gejala tidak sihat ini tidak meluas dan mempengaruhi murid-murid lain.

Justeru, KPM akan terus meningkatkan kerjasama dengan PDRM dan pihak-pihak berkepentingan bagi memperkemas lagi peranan Pegawai Perhubungan Awam Polis dan Rakan Cop di sekolah-sekolah. Tindakan ini sangat wajar bagi memastikan semua program dan tindakan pencegahan dapat dilaksanakan secara berkesan. Di samping itu, KPM juga telah mengambil beberapa langkah-langkah bagi menangani gejala tersebut dengan mengadakan talian *hotline*, kemudahan faks dan *e-mail* bagi membolehkan pihak-pihak berkepentingan membuat aduan tentang salah laku disiplin yang berlaku di sekolah. Pihak sekolah juga telah diarahkan supaya menubuhkan Kelab Pencegahan Jenayah di semua sekolah menengah.

Rjm 28

Soalan No : 12

X

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. PUAN CHONG ENG (BUKIT MERTAJAM)
TARIKH	18.10.2011

SOALAN:

Y.B. PUAN CHONG ENG [BUKIT MERTAJAM] minta Menteri Pelajaran menyatakan kemudahan-kemudahan yang disediakan untuk kanak-kanak kurang upaya di tadika, sekoiah rendah dan sekoiah menengah. Nyatakan jumlah kanak-kanak kurang upaya di ketiga-tiga jenis sekoiah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Atas prinsip pendemokrasian pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) terus memastikan semua murid di negara ini termasuk murid kurang upaya diberi peluang yang sama bagi mendapatkan pendidikan. Justeru, murid-murid kurang upaya turut diberi perhatian dan berpeluang menerima kemudahan pendidikan sama seperti murid-murid di arus perdana.

Buat masa ini, KPM telah menyediakan peluang pendidikan khusus kepada murid berkeperluan khas melalui Sekoiah Pendidikan Khas dan Program Pendidikan Khas Integrasi. Sekoiah Pendidikan Khas merupakan sekoiah dibina khusus bagi murid-murid berkeperluan khas mengikut ketidakupayaan murid. Di samping itu, Program Pendidikan Khas Integrasi merupakan satu program yang diwujudkan di sekolah-sekolah harian biasa dengan pembukaan satu atau lebih kelas pendidikan khas.

Sehubungan itu, kemudahan-kemudahan khusus telah disediakan bagi membantu murid ini mengikuti P&P tanpa halangan di dalam kelas. Antara kemudahan tersebut adalah mesin braille, buku teks Braille khusus bagi murid bermasalah penglihatan dan peralatan "*hearing aids*" bagi murid bermasalah pendengaran.

Selain daripada bantuan-bantuan peralatan, Kerajaan juga turut menyediakan pelbagai bantuan pendidikan dan program kepada murid-murid istimewa ini.

Antaranya:

- i. Elaun Murid Khas sebanyak RM150.00 sebulan;
- ii. Kurikulum khusus dan diubahsuai bagi murid bermasalah pembelajaran;
- iii. Program pembelajaran yang khusus bagi murid bermasalah pembelajaran spesifik disleksia dan autisma;
- iv. Lanjutan 2 tahun tempoh persekolahan kepada yang memerlukan; dan
- v. Tambahan masa bagi mereka yang menduduki peperiksaan awam dan

kemudahan semasa menjalani peperiksaan seperti “reader” dan “*interpreter**.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Januari 2011, jumlah murid kurang upaya yang mengikuti pendidikan di prasekolah seluruh negara adalah seramai 760 orang murid, sekolah rendah pula seramai 29,406 orang manakala sekolah menengah 19,170 orang. Oleh itu jumlah keseluruhan penyertaan murid kurang upaya di semua jenis institusi pendidikan KPM adalah sebanyak 49,336 orang murid.

^{Rjm 30}
PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**TUAN LIANG TECK MENG
[SIMPANG RENGAM]**

**TARIKH JAWAPAN : 18 OKTOBER 2011 (SELASA)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan sebab-sebab SEDA lambat dilancarkan. Adakah Kementerian belum bersiap sedia menghadapi cabaran atau mendapat tekanan dari pihak-pihak tertentu.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

SEDA Malaysia merupakan agensi di bawah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) yang bertanggung jawab untuk menguatkuasakan Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 dan pelaksanaan mekanisme *Feed-in-Tariff* (FiT). SEDA Malaysia telah ditubuhkan secara rasminya selaras dengan penguatkuasaan Akta Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari 2011 [Akta 726] pada 1 September 2011 yang lepas.

Pada masa ini, Kementerian saya dan SEDA Malaysia sedang giat melaksanakan persiapan bagi pelaksanaan Mekanisme FiT. Kelewatan pelaksanaan Mekanisme FiT adalah disebabkan beberapa perkara di luar kawalan yang memerlukan tarikh pelaksanaan mekanisme FiT yang telah ditetapkan pada 1 September 2011 ditunda kepada 1 Disember 2011.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Antara perkara yang dimaksudkan tersebut adalah kompleksiti di dalam penggubalan perundangan subsidiari Akta Tenaga Boleh Baharu (TBB) 2011 di mana proses penggubalan yang sedang dilaksanakan melibatkan 7 perundangan subsidiari dan 6 daripada perundangan tersebut telah dimuktamadkan dan dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk semakan dan persetujuan. Perundangan Subsidiari *Renewable Energy (Technical and Operational Requirement) Rules 2011* adalah yang terakhir dan yang paling sukar dan rumit untuk dimuktamadkan. Perundangan Subsidiari ini memerlukan masa yang lebih lama dari yang dijangkakan. Selain itu, sebanyak 9 **Renewable Energy Power Purchase Agreements (REPPA)** dan 19 Garis Panduan sedang dalam proses penggubalan di mana Garis Panduan ini perlu diwujudkan bagi memperincikan Perundangan Subsidiari dan membolehkan Akta TBB 2011 dikuatkuasakan.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Pelaksanaan FiT juga bergantung kepada penubuhan SEDA Malaysia

kerana terdapat perkara-perkara yang boleh dilaksanakan hanya selepas SEDA Malaysia ditubuhkan. Selain itu, pelan komunikasi FiT perlu dilaksanakan bagi menerangkan kepada orang awam mengenai kepentingan TBB serta memberi publisiti berkaitan mekanisme FiT supaya orang awam maklum akan pelaksanaannya. Publisiti yang meluas adalah penting memandangkan FiT dihadkan oleh kuota tahunan. Selain itu, rasional kutipan sebanyak 1% daripada bil elektrik bagi menubuhkan Dana TBB perlu dijelaskan bagi menerangkan kepentingan kutipan ini dibuat.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Portal SEDA Malaysia telah dilancarkan semasa IGEM 2011 pada 8 September 2011 bagi membolehkan pihak yang berminat untuk mendapat akses kepada maklumat yang berkaitan sebelum sistem eFIT *Online* mula dibuka untuk permohonan. Ini penting bagi memberikan masa yang mencukupi untuk membuat persediaan agar semua pihak mempunyai peluang yang sama rata. Berdasarkan lima (5) perkara ini KeTTHA berpendapat adalah penting supaya pelaksanaan mekanisem FiT ditunda

kepada 1 Desember 2011 bagi menjamin pelaksanaannya dilaksanakan secara sistematis dan berkesan.

**JAWAB LISAN TUAN LIM GUAN
DARIPADA PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
ENG 18 OKTOBER 2011
TARIKH (SELASA) NO. 14
SOALAN
PERTANYAAN**

Tuan Lim Guang Eng [Bagan] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan peruntukan yang diberikan kepada Universiti Sains Malaysia (USM) untuk menampung kos operasinya. Berapakah jumlah kakitangan USM, pelajar dan prog ram-prog ram yang ditawarkan (termasuk program berkembar dari kolej-kolej) kini dan apakah prestasi yang dicapai mengikut kayu pengukur antarabangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Peruntukan keseluruhan bagi belanja mengurus dan pembangunan yang telah disalurkan kepada Universiti Sains Malaysia (USM) pada tahun 2009 adalah sebanyak 1,102.3 juta, pada tahun 2010 sebanyak 988.7 juta dan pada tahun 2011 sebanyak RM1,195.3 juta. Jumlah peruntukan kepada USM meliputi peruntukan tambahan kerana berstatus universiti penyelidikan (RU) dan pelaksana Program APEX. Pada tahun 2009, USM memperolehi peruntukan tambahan sebanyak 90.8 juta atas status RU dan 124.5 juta atas program APEX, pada tahun 2010 sebanyak RM62.5 juta atas status RU dan 30 juta atas

program APEX dan pada tahun 2011 sebanyak RM80 juta atas status RU dan RM80 juta lagi atas program APEX.

Pada Januari 2011, USM mempunyai seramai 9,214 orang kakitangan yang terdiri daripada 1,854 staf akademik dan 7,360 staf bukan akademik. Manakala enrolmen pelajar USM pada Februari 2011 pula adalah seramai 26,742 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 3,004 orang adalah pelajar di peringkat Ph.D, 5,559 orang pelajar peringkat Sarjana, 17,900 orang pelajar peringkat Sarjana Muda dan 279 orang pelajar peringkat Diploma.

USM menawarkan sebanyak 291 pilihan program pengajian. Bilangan program pengajian yang ditawarkan terdiri daripada 50 program pengajian Ph.D, 182 program pengajian Sarjana, 58 program pengajian Sarjana Muda dan satu program pengajian Diploma.

Berdasarkan QS World University Rankings® 2011/2012 , USM berada dikedudukan ke-335 di antara keseluruhan universiti terbaik dunia. Manakala berdasarkan Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia 2009 (SETARA'09) yang mengukur kualiti pengajaran dan pembelajaran di peringkat Ijazah Pertama bagi universiti dan kolej universiti di Malaysia, USM diklasifikasikan penarafan kepada Tier 5 iaitu Cemerlang.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUA BELAS
TAHUN 2011

PERTANYAAN **LISAN**

DARIPADA **: YB DATUK MUHAMMAD LEO**
MICHAEL TOYAD (MUKAH)

TARIKH **18.10.2011**

SOALAN **15**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan bila agaknya pelaksanaan untuk menambahkan "booster" sistem untuk bekalan air luar bandar yang sudah ada bekalan tapi tidak cukup tekanan air.

Jawoan:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk, pelaksanaan projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) adalah berdasarkan keutamaan Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN). Walau bagaimanapun, Kementerian masih belum menerima permohonan secara rasmi bagi menambah sistem "booster" tersebut dari Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN) dan akan mempertimbangkannya dalam *2nd Rolling Plan RMKe-10*.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT
KETIGA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUA BELAS (2011)**

PERTANYAAN : LISAN

NO. SOALAN: 16

DARIPADA DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM

[PERMATANG PAUH]

TARIKH 18 OKTOBER 2011 [SELASA]

SOALAN :

DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM [PERMATANG PAUH] minta PERDANA MENTERI menyatakan mekanisme Kerajaan Pusat untuk memantau kutipan dan pengagihan wang zakat Malaysia yang keseluruhannya kutipan tahun lalu berjumlah hampir RM 1.2 bilion dan langkah komprehensif yang akan dilakukan untuk memperbaiki sistem pengagihan wang zakat dalam negara.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, mengikut Butiran 1, Senarai Kedua, Jadual ke Sembilan, Perlembagaan

Persekutuan, hal ehwal Agama Islam termasuklah kutipan dan agihan zakat adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri yang dikendalikan secara langsung oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) masing-masing.

Namun demikian, Kerajaan Pusat melalui Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) secara pentadbiran sentiasa bekerjasama dengan semua MAIN dan Agensi Mengurus Zakat dari semasa ke semasa dan berusaha meningkatkan lagi prestasi pengurusan zakat melalui program dan aktiviti-aktiviti penyelarasan seperti bengkel, seminar dan taklimat. Antara program-program yang telah diadakan:

- i) mesyuarat penyelarasan;
- ii) Program Sambutan Bulan Zakat Kebangsaan;
- iii) Persidangan Zakat dan Cukai Kebangsaan;
- iv) Ijtima' Amil Kebangsaan; dan
- v) kursus dan seminar

Di samping itu, bagi maksud yang sama JAWHAR telah berusaha menghasil dan menerbitkan manual-manual pengurusan berkaitan zakat sebagai panduan dan rujukan yang seragam kepada pusat zakat Majlis-Majlis Agama Islam Negeri. Antara manual berkaitan zakat yang telah diterbitkan sehingga kini ialah:

- i) Manual Pengurusan Pengiraan Zakat;
- ii) Manual Pengurusan Zakat Perbankan;
- iii) Manual Pengurusan Agihan Zakat; dan
- iv) Manual Pengurusan Model Perundangan Zakat.

Usaha-usaha yang dijalankan itu telah dapat sedikit sebanyak meningkatkan prestasi pengurusan zakat di negeri-negeri.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

Y.B. DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI (KAPIT)

TARIKH

18 OKTOBER 2011

SOALAN

17

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan langkah dan strategi bagi membantu penduduk-penduduk pedalaman dan luar bandar di negara ini meningkatkan pendapatan mereka dan seterusnya keluar daripada kepompong kemiskinan khususnya penduduk-penduduk pedalaman bahagian Kapit.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha mempergiatkan lagi inisiatif meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar, Kementerian telah menggubal Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar (PIPLB) yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 12 Oktober 2010. PIPLB ini menggariskan tujuh (7) teras dan tiga puluh sembilan (39) strategi yang diyakini dapat meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar menjelang tahun 2020. Ketujuh-tujuh teras berkenaan telah mengambil kira semua aspek berkaitan luar bandar yang memberi fokus terhadap pembangunan sosial, ekonomi dan modal insan tanpa mengeneipkan aspek pembangunan fizikal.

Di bawah PIPLB ini, strategi yang dirangka adalah selaras dengan matlamat utama Model Baru Ekonomi (MBE). Bagi mencapai hasrat tersebut, Kementerian akan terus melaksanakan Pembangunan Modal Insan yang menjadi pemangkin kepada usaha peningkatan pendapatan. Program Pembangunan Modal Insan Luar Bandar ini perlu diberi perhatian memandangkan ia merupakan '*key success factor*' ke arah pembentukan modal insan yang berkualiti dan mampu meningkatkan pendapatan dan kualiti hidup penduduk luar bandar. Selain langkah di atas, Kementerian juga akan berusaha untuk melonjakkan pembangunan ekonomi dan industri luar bandar supaya 80% daripada penduduknya terlibat dengan aktiviti ekonomi negara. Melalui usaha-usaha yang sedang dan akan terus dilaksanakan ini, Kementerian yakin pendapatan golongan miskin di luar bandar akan dapat dipertingkatkan dan insiden kemiskinan tegar dapat dibasmi menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi penduduk pedalaman di bahagian Kapit, Kementerian mengambil langkah meliputi kedua-dua pembangunan fizikal dan bukan fizikal. Di bawah RMKe-10, sehingga suku tahun kedua umpamanya, Kapit mendapat peruntukan sejumlah RM132,665,181. Dari jumlah tersebut sebanyak RM2,029,897 untuk Program Bekalan Air Luar Bandar, RM15,976,303 untuk Bekalan Elektrik Luar Bandar, RM10,750,000 untuk Jalan Luar Bandar dan RMRM300,000 untuk Jalan Perhubungan Desa. Manakala sebanyak RM5,848,000 untuk Program Bantuan Rumah, RM366,080 untuk bina baru TABIKA di bawah KEMAS, RM519,400 untuk Program Tanam Semula Getah ke Getah di bawah RISDA dan RM75,400 untuk Tanam Semula Getah Sarawak di bawah JPS.

SOALAN NO: 18

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 18 OKTOBER 2011 (SELASA)

SOALAN :

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta PERDANA MENTERI menyatakan sebab-sebab Kerajaan masih terus menggunakan Ordinan Darurat dan sejauh mana Kerajaan beranggapan peningkatan fahaman komunis adalah selaras dengan pemakaian ordinan dan adakah Kerajaan beranggapan bahawa dengan hanya memiliki dokumen komunis termasuk buku-buku mengenai komunisme dan pakaian sahaja adalah bahan-bahan subversif.

DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

(1) Sebab-sebab Kerajaan masih terus menggunakan Ordinan Darurat

Sebagaimana yang semua sedia maklum, Kerajaan telah memutuskan untuk membatalkan semua Proklamasi Darurat sebagaimana pengumuman YAB Perdana Menteri melalui Perutusan Khas pada malam 15 September 2001. Menurut Fasal (7) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan, pembatalan sesuatu Proklamasi Darurat akan menyebabkan terhentinya penguatkuasaan kesemua Ordinan Darurat yang dibuat di bawah Proklamasi Darurat tersebut apabila habis tempoh enam bulan yang bermula dengan tarikh sesuatu Proklamasi Darurat itu terhenti berkuat kuasa. Kerajaan menyedari bahawa terdapat beberapa Ordinan Darurat yang dibuat berikutan dengan Proklamasi Darurat 1969 [P.U.(A)145/1969] yang masih lagi berkuat kuasa sehingga kini. Dalam konteks ini, berikutan keputusan Kerajaan untuk membatalkan semua Proklamasi Darurat, semua Ordinan Darurat sedang dikaji semula bagi mengenai pasti peruntukan dan hal perkara yang perlu dikekalkan dan masih relevan bagi maksud penggubalan undang-undang yang sewajarnya oleh Parlimen.

(2) Seiauh mana Kerajaan beranqqapan peningkatan fahaman komunis adalah selaras dengan pemakaian ordinan

Tuan Yang di-Pertua,

Tempoh 1948 hingga 1960 dikenali sebagai zaman Darurat di Tanah Melayu. Undang-undang Darurat diisytiharkan di Tanah Melayu pada 16 Jun 1948 oleh Pesuruhjaya Tinggi British, Sir Edward Gent kerana kekacauan yang ditimbulkan oleh komunis yang boleh mengancam keamanan dan keselamatan negara. Komunis telah melakukan berbagai kegiatan sabotaj, pemusnahan dan kerosakan ke atas harta awam serta harta benda penduduk dan kerajaan; juga pembunuhan, kejahatan dan keganasan ke atas semua lapisan masyarakat di Tanah Melayu. Kegiatan komunis tersebut telah menghuru-harakan kehidupan penduduk, menyebabkan mereka hidup dalam kebimbangan, ketakutan dan menderita serta terpaksa menanggung kerugian harta benda. Di samping itu, kegiatan komunis tersebut turut menimbulkan ketidakstabilan politik, sosial dan ekonomi di Tanah Melayu.

Keadaan itu menyebabkan kerajaan British terpaksa mengambil tindakan mengisytiharkan Undang-Undang Darurat dan disusuli dengan berbagai langkah yang bertujuan untuk menghapuskan komunis dan memulihkan keamanan negara. Usaha menentang gerakan komunis menjadi semakin giat menjelang Tanah Melayu mencapai kemerdekaan sehingga akhirnya komunis dapat dilemahkan dan zaman Darurat ditamatkan pada 31 Julai 1960.

Justeru, pengalaman yang dialami oleh Negara ini pada zaman

Darurat merupakan suatu alasan yang kuat bagi pemakaian Ordinan Darurat yang bertujuan untuk mengekalkan ketenteraman dan keselamatan awam demi menghadapi ancaman terhadap keselamatan, ekonomi negara dan perpaduan rakyat di Malaysia. Sebagai contoh, Ordinan Dharurat (Ketenteraman Awam dan Menchegeh Jenayah) 1969 [Ordinan 5, 1969 - *P.U. (A) 187/1969*] bukan hanya terpakai dalam keadaan di mana terdapat rusuhan kaum sahaja tetapi pemakaiannya merangkumi apa jua keadaan yang mengancam ketenteraman dan keselamatan awam. Usaha untuk membanteras kegiatan subversif juga boleh dilihat melalui Perutusan Khas Perdana Menteri pada 15 September 2011 yang menyatakan bahawa “..dua undang-undang baru yang sesuai akan digubal di bawah semangat serta payung Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan untuk mencegah perbuatan subversif, keganasan terancang dan perbuatan jenayah bagi memelihara ketenteraman dan keselamatan awam..”.

(3) Adakah Keraiaan beranqqapan bahawa dengan hanva memiliki dokumen komunis termasuk buku-buku mengenai komunisme dan pakaian sahaia adalah bahan-bahan subversif

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, tiada takrif “subversif dan “bahan-bahan subversif” dalam Perlembagaan Persekutuan atau mana-mana undang-undang.

Walau bagaimanapun, seksyen 29 Akta Keselamatan Dalam Negeri

1960 [Akta 82] memperuntukkan kesalahan bagi pemilikan dokumen subversif. Selanjutnya, subseksyen 29(3) Akta 82 menyatakan takrif “dokumen subversif” yang turut dirujuk oleh Mahkamah dalam kes Yoh Meng Heng v Public Prosecutor M9701 1 MLJ 14 seperti yang berikut:

“Dalam seksyen ini “dokumen subversif” ertinya apa-apa dokumen yang mempunyai pada sebahagiannya atau pada keseluruhannya kecenderungan—

- (a) untuk membangkitkan keganasan terancang terhadap orang atau harta di Malaysia;*
- (b) untuk menyokong, mengembangkan atau menganjurkan apa-apa tindakan yang memudaratkan keselamatan Malaysia atau penyenggaraan atau pemulihan ketenteraman awam di dalamnya atau mengapiakan keganasan atau mengesyorkan keingkaran kepada undang-undangnya atau apa-apa perintah yang sah di dalamnya; atau*
- (c) untuk mendorong, memohon atau meminta sokongan untuk atau kerana apa-apa kutipan, sumbangan, caruman atau derma, sama ada dalam bentuk wang atau barang-barang, bagi faedah atau kegunaan secara langsung atau tidak langsung orang yang bercadang hendak bertindak atau hampir bertindak, atau yang telah bertindak, dengan Keselamatan Dalam Negeri 35 cara yang memudaratkan keselamatan Malaysia atau penyenggaraan ketenteraman awam di dalamnya, atau yang mengapiakan keganasan di dalamnya atau mengesyorkan*

keingkaran kepada undang-undang atau apa-apa perintah yang sah di dalamnya.”.

Takrif “dokumen subversif” dalam subseksyen 29(3) Akta 82 tersebut didapati membawa maksud yang luas dan Kerajaan beranggapan bahawa dokumen komunis termasuk buku-buku mengenai komunisme termasuk dalam takrif di bawah subseksyen 29(3) Akta 82 tersebut. Lanjutan daripada itu, pakaian komunis boleh dikategorikan sebagai bahan-bahan subversif kerana cenderung untuk membangkitkan keganasan terancang dan juga menyokong, mengembangkan atau menganjurkan apa-apa tindakan yang memudaratkan keselamatan Malaysia.

Sekian, terima kasih.

• Sc?A.LA,NJ
*. 1°\ NO. AUM:
4,
UQrikUP—.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID
[PENGERANG]
TARIKH 18 OKTOBER 2011
RUJUKAN : 4103

SOALAN:

Datuk Azalina binti Dato' Othman Said [Pengerang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan tindakan yang akan diambil terhadap mereka yang menggunakan pentas ceramah secara jelas cuba memutar belitkan sejarah dengan memberikan fakta yang mengelirukan serta menafikan para pejuang-pejuang negara yang bermati-matian menentang penganas komunis suatu ketika dahulu.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Pangerang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, tindakan segelintir individu yang menggunakan pentas ceramah sebagai platform untuk memutar belitkan sejarah dengan memberikan fakta yang mengelirukan serta menafikan para pejuang- pejuang negara yang bermati-matian menentang penganas komunis suatu ketika dahulu adalah suatu tindakan yang tidak bertanggungjawab. Dalam hal ini, Kerajaan tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan di bawah peruntukkan undang-undang sedia ada berdasarkan laporan Polis yang dibuat terhadap mana-mana pihak yang menggemparkan sehingga menimbulkan kegusaran dikalangan rakyat.

Tuan Yang Dipertua,

Dalam hal ini, saya ingin menasihatkan semua pihak agar sentiasa berhati-hati di dalam mengeluarkan sesuatu pernyataan terutama sekali yang menyentuh sensitiviti para pejuang negara yang telah berjuang untuk mempertahankan tanah air tercinta.

PERTANYAAN : LISAN

SOALAN NO. 20

~~PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT~~
~~DARIPADA PUAN FONG PO KUAN~~

[BATU GAJAH]

TARIKH 18 OKTOBER 2011

SOALAN

Minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah jumlah peruntukan pembangunan dan peruntukan khas yang telah diberi kepada setiap Kawasan Parlimen dan Ahli Parlimen BN dari tahun 2008 sehingga kini. Berikan senarai terperinci perbelanjaan peruntukan tersebut bagi Parlimen Batu Gajah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Semua peruntukan pembangunan disalurkan melalui kementerian-kementerian untuk melaksanakan projek-projek pembangunan yang diluluskan dalam setiap Rancangan Malaysia Lima Tahun.

Jumlah Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri bagi kawasan Parlimen di seluruh negara mengikut tahun dari 2008 hingga 2011 adalah seperti berikut:

TAHUN	KADAR PERUNTUKAN (RM)
2008	1.5 juta
2009	1.2 juta
2010	1.5 juta
2011	1.5 juta

Bagi kawasan Parlimen Batu Gajah, sebanyak RM2.48 juta telah dibelanjakan bagi melaksana 377 program/projek di kawasan Parlimen tersebut dari tahun 2008 hingga 5 Oktober 2011. Butiran perbelanjaan mengikut tahun dan kategori projek/program adalah seperti berikut:

KATEGORI	BIL	2008 KOSRM	2009 KOSRM	IS	KOS.RM,	Sif fis!	Sif®		
BANTUAN KEBAJIKAN/ SUMBANGAN	91	943,000.00	89 454,400.00	54	205,000.00	49	139,000.00	283	1,741,400.00
PERBEKALAN	24	180,400.00	15 38,600.00	14	85,600.00	21	59,000.00	74	363,600.00
PROJEK FIZIKAL	17	351,600.00	1 7,000.00	1	5,000.00	1	20,000.00	20	383,000.00
JUMLAH	132	1,475,000.00	105 500,000.00	69	295,600.00	71	218,000.00	377	2,488,000.00

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA TENGKU RAZALEIGH HAMZAH (GUA MUSANG)
TARIKH 18 OKTOBER 2011 (SELASA)
SOALAN : TENGKU RAZALEIGH HAMZAH minta MENTERI
PERTANIANDAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan
tindakan Kerajaan menghadapi ancaman krisis makanan
global di mana bekalan beberapa jenis makanan bakal
berkurangan di pasaran supaya rakyat juga terhindar dari
ancaman kekurangan beras memandangkan simpanan beras
negara yang hanya berjumlah 360,000 tan cukup bagi
tempoh satu bulan sahaja.

JAWAPAN OLEH: Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah merangka pelbagai program dan projek bagi memastikan negara mempunyai bekalan makanan yang mencukupi. Antaranya adalah:

- (i) meningkatkan kawasan pengeluaran sedia ada di bawah projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan(TKPM) bagi pengeluaran tanaman, Zon Industri Akuakultur (ZIA) bagi keluaran perikanan serta pembangunan Pusat Fidlot Nasional (PFN) bagi pengeluaran ternakan ruminan;

- (ii) penglibatan pihak swasta sebagai peneraju pembangunan kawasan tersebut agar aktiviti pertanian dapat dilakukan sebagai satu perniagaan yang berupaya membuahkan hasil yang lumayan;
- (iii) peningkatan produktiviti melalui hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dipindah dan dikomersialkan kepada golongan sasaran;
- (iv) penyediaan perkhidmatan pengembangan bagi membantu golongan sasaran meningkatkan kuantiti dan kualiti pengeluaran; dan
- (v) peningkatan kapasiti biosekuriti dan Amalan Ladang Baik untuk menjamin keselamatan makanan (*food safety*) untuk pasaran eksport dan pasaran tempatan.

Selain itu, Kerajaan dengan kerjasama Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) bertanggungjawab untuk memastikan supaya stok penimbal negara sentiasa berada pada tahap 292,000 tan metrik pada setiap masa. Paras stok penimbal ini mampu bertahan untuk penggunaan selama 45 hari. Namun begitu, sekiranya pegangan stok Kerajaan, BERNAS, pengilang dan pemborong diambil kira ianya mampu bertahan bagi tempoh 3 hingga 4 bulan.

Mesyuarat Jawatankuasa Bekalan dan Harga pada 22 September 2011 telah merangka strategi supaya pengeluaran hasil padi dapat ditingkatkan melalui Amalan Pertanian Baik (GAP) di samping menjamin kualiti padi tempatan. Selain itu, harga beras tempatan akan turut dipastikan stabil supaya mampu dibeli oleh semua golongan masyarakat.

SOALAN NO: 22

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [SERDANG]

TARIKH : 18 OKTOBER 2011

SOALAN

Puan Teo Nie Ching [Serdang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan hasil siasatan pasukan khas siasatan yang ditubuhkan oleh SPRM untuk menyiasat Hishamuddin Hashim, Mohd Anuar Ismail dan Mohd. Ashraf Mohd Yunus, dan sama ada mereka akan didakwa di mahkamah di bawah Seksyen 304A atau Seksyen 120A Kanun Keseksaan.

JAWAPAN: YB PATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung isu yang dibangkitkan Yang Berhormat, Pengurusan Tertinggi SPRM telah menubuhkan Pasukan Siasatan Khas pada 23 Julai 2011 bagi menyiasat dan meneliti dapatan (*findings*) Suruhanjaya Siasatan Diraja (SSD) mengenai kematian Teoh Beng Hock (TBH) khusus kepada tatakelakuan tiga (3) Pegawai SPRM yang dikatakan telah melanggar peraturan dan prosedur dalam proses soal siasat terhadap TBH. Terma rujukan bagi Pasukan ini adalah seperti berikut:

- a) Meneliti Laporan yang telah dikemukakan oleh SSD berhubung tindakan salah laku dan pelanggaran peraturan serta prosedur berhubung teknik soal siasat yang digunakan terhadap TBH.
- b) Menzahirkan fakta-fakta yang terkandung dalam Laporan SSD berkaitan salah laku oleh ketiga-tiga Pegawai SPRM yang berkena dan menyediakan Laporan Tatatertib sekiranya wujud kesalahan atau pelanggaran peraturan serta prosedur untuk dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Tatatertib berkena.
- c) Menyediakan dan membentangkan laporan siasatan kepada Jawatankuasa Aduan SPRM dalam tempoh satu (1) bulan daripada tarikh kuat kuasa surat pelantikan diterima.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Laporan Siasatan berkena telahpun dibentangkan kepada Jawatankuasa Aduan SPRM pada 25.8.2011. Jawatankuasa Aduan telah meminta Pasukan Siasatan Khas supaya turut mengkaji dan meneliti nota keterangan ketiga-tiga Pegawai SPRM berkena sebelum boleh dikaitkan dengan sebarang pelanggaran tatakelakuan mereka. Pada 26.9.2011 Pasukan Siasatan Khas ini telah sekali lagi membentangkan hasil siasatannya kepada Jawatankuasa Aduan SPRM dan bersetuju dengan syor Pasukan Siasatan Khas seterusnya diangkat kepada Pengurusan Tertinggi SPRM untuk penelitian dan arahan lanjut. Pasukan Siasatan Khas ini hanya menjurus kepada siasatan

dalam sahaja. Dalam konteks kesalahan jenayah adalah terletak kepada bidang kuasa pihak polis.

Sekian, terima kasih.

NO-SoAIAnI • 2-3
~~NOAUM-1-1-6~~

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA WILFRED
MOJILIP BUMBURING [TUARAN]
TARIKH : 18 OKTOBER 2011
RUJUKAN : 4106

SOALAN:

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah pendatang tanpa izin dan pekerja asing yang telah berdaftar di Sabah di bawah

progam 6P, berapa jumlah yang telah kembali ke negara asal mereka dan kenapa pendaftaran tersebut tidak merangkumi pelarian dan pembantu rumah di Sabah.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima Kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Tuaran yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berbeza dengan Semenanjung yang melaksanakan program 6P, Sabah hanya melaksanakan program 5P iaitu pendaftaran, pengampunan, pemantauan, penguatkuasaan dan pengusiran. Di Sabah, proses Pemutihan tidak dilaksanakan. Di bawah program 5P yang berlangsung pada 18 Julai 2011 hingga 8 Ogos 2011, Sabah hanya mendaftar PATI. Dalam tempoh tersebut, seramai 161,548 PATI telah didaftarkan.

Tuan Yang Di-Pertua,

Sehingga 10 Oktober 2011, jumlah PATI yang telah kembali ke negara asal melalui pintu keluar Sabah adalah seramai 612 orang.

Pendaftaran di Sabah hanya dilaksanakan terhadap PATI yang tinggal di negeri tersebut tanpa dokumen yang sah. Manakala, golongan yang dirujuk sebagai pelarian di Sabah memegang pas lawatan IMM.13 iaitu dokumen Imigresen yang sah. Mengenai pembantu rumah di Sabah yang bekerja dengan sah pula, pendaftaran boleh dilakukan semasa pas lawatan kerja sementara (PLKS) mereka diperbaharui.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

NO. SOALAN: 24

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK] TARIKH
: 18 OKTOBER 2011**

SOALAN:

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan prosedur apakah yang digunakan dalam penganugerahan projek-projek hartanah yang bernilai tinggi khususnya tanah bekas tapak Penjara Pudu, Lapangan Terbang TUDM Sungai Besi dan Lembaga Penyelidikan Getah (RRI) Sungai Buloh. Apakah status pembangunan di tapak-tapak berkenaan. Sila jelaskan penyertaan kepentingan Bumiputera dalam pembangunan hartanah tersebut.

JAWAPAN:

1. Prosedur:

Perlaksanaan projek-projek seperti yang tersebut dijalankan mengikut tatacara dan prosedur Kerajaan.

2. Status pembangunan

Konsep Pembangunan Tapak Penjara Pudu masih dalam kajian supaya selaras dengan mandat UDA dan memberi peluang kepada pelabur tempatan terutama Bumiputera dan pelabur asing menyertai projek ini.

Tapak lapangan terbang lama Sungai Besi telah dipindah milik kepada 1MDB daripada pemilik sebelumnya Suruhanjaya Tanah Persekutuan dalam bulan Jun 2011. 1MDB juga telah menandatangani perjanjian penempatan semula dengan Tentera DiRaja Malaysia, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Dalam Negeri.

Bagi cadangan pembangunan tanah LGM di Sungai Buloh, perjanjian Jual Beli Tanah telah ditandatangani oleh pihak-pihak yang terbabit dalam bulan Ogos 2011 bagi membolehkan pelaksanaan projek dimulakan.

3. Penyertaan kepentingan Bumiputera

Projek-projek ini akan memastikan penyertaan Bumiputera bermula daripada peringkat permulaan (*inception stage*), semasa pembinaan sehingga siap projek dan selepas tempoh pembangunan seperti pemilihan perunding, syarikat pembinaan dan pengurusan fasiliti Bumiputera yang berkaliber, professional dan berpengalaman.

Projek-projek ini akan memastikan tiada komuniti yang ketinggalan dari faedah pembangunannya, termasuklah komuniti Bumiputera. Peluang-peluang akan dibuka bagi perniagaan Bumiputera untuk memainkan peranan dalam pembangunan. Pemaju-pemaju akan memanfaatkan kepakaran syarikat-syarikat tempatan, termasuklah Bumiputera, untuk mengambil bahagian sebagai pelabur bersama atau pemaju bersama dan kontraktor.

SOALAN NO: 25

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI [LEDANG]

TARIKH : 18 OKTOBER 2011 (SELASA)

SOALAN

Ir. Haji Hamim Bin Samuri [Ledang] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan tahap kualiti penerimaan gelombang (*wave coverage*) bagi telefon mudah alih di negara ini kerana ramai yang merungut talian sering terputus di sepanjang Lebuhraya PLUS.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Secara amnya, liputan perkhidmatan telefon mudah alih adalah baik di mana ianya telah meliputi 95% kawasan berpenduduk di seluruh Malaysia. Kadar penembusan yang tinggi sebanyak 121% menunjukkan penerimaan baik penduduk Malaysia terhadap perkhidmatan telefon mudah alih dan juga menempatkan Malaysia sebagai salah satu peneraju perkhidmatan telefon mudah alih di rantau ini.

Walau bagaimanapun tidak dapat dinafikan terdapat kawasan-kawasan yang tidak mendapat liputan yang baik. Antaranya adalah disebabkan

SOALAN NO: 25

faktor-faktor geografikal yang menyukarkan pembinaan infrastruktur dan penembusan isyarat telefon mudah alih.

Selain daripada itu, terdapat juga kawasan-kawasan yang menghadapi masalah-masalah *vandalism* yang menyebabkan kawasan terbabit mengalami gangguan liputan selular. Dalam perkara ini, secara purata, terdapat 100 kes *vandalism* bagi infrastruktur Komunikasi setiap hari.

Di dalam perkara ini, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa memantau dan mengawalselia pelaksanaan perkhidmatan telefon mudah alih ini supaya ianya sentiasa di dalam keadaan terbaik dan mengikut piawai antarabangsa. SKMM juga mengadakan pemantauan berkala bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan menepati piawai kualiti perkhidmatan yang ditetapkan dengan mengadakan ujian pemanduan di lebuh raya-lebuh raya utama, termasuklah Lebuh raya PLUS.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
[SUNGAI SIPUT]**

TARIKH 18 OKTOBER 2011

SOALAN

SOALAN NO : 26

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan graduan daripada kursus diploma kejururawatan di universiti dan kolej swasta yang diambil sebagai kakitangan Kementerian Kesihatan setiap tahun dari 2006 hingga ke **2010**.

Tuan Yang di-Pertua

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah graduan diploma kejururawatan daripada Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang berkhidmat di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mulai tahun 2006 hingga 2010 adalah seramai 993 orang. Pecahan mengikut tahun lantikan adalah seperti berikut:-

Jadual 1

Jumlah Graduan Diploma Kejururawatan Daripada Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) Yang Berkhidmat Di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

BIL.	TAHUN	BILANGAN
1	2010	438
2	2009	270
3	2008	130
4	2007	146
5	2006	9
	JUMLAH	993

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED
SAID
[KUALA KRAU]

TARIKH 18 OKTOBER 2011 (SELASA)

SOALAN

SOALAN NO 25

Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah ada laluan dan stesen Transit Aliran Massa yang dikenal sebagai My Rapid Transit (MRT) berdekatan Parlimen Malaysia seiring perkembangan Greater KL.

SOALAN NO.26

**JAWAPAN: YB DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Stesen MY Rapid Transit jajaran Sungai Buloh-Kajang yang terdekat dengan Bangunan Parlimen adalah Stesen KL Sentral yang jauhnya lebih-kurang 3km. Lokasi stesen tersebut adalah berdekatan dengan Muzium Negara dan akan berintegrasi dengan stesen LRT Laluan Kelana Jaya di dalam bangunan Stesen Sentral di KL Sentral.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 28

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA YB DATO' ZULKIFLI BIN NOORDIN

TARIKH 18 OKTOBER 2011 (SELASA)

SOALAN

**Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta PERDANA
MENTERI menyatakan**

- (a) adakah Kerajaan bercadang membawa pertuduhan jenayah laporan palsu terhadap YB Permatang Pauh berkaitan laporan polis beliau membabitkan sebuah video klip; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang membawa pertuduhan syarie terhadap YB Permatang Pauh berkaitan pendedahan di dalam video klip tersebut.

NO. SOALAN: 28

JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Mengenai pertanyaan (a):

Jabatan Peguam Negara mengambil maklum bahawa laporan polis telah dibuat pada 8 September 2011 terhadap YB Permatang Pauh yang menyatakan bahawa YB Permatang Pauh telah membuat laporan palsu membabitkan sebuah video klip.

Selanjutnya, Jabatan Peguam Negara telah menerima kertas siasatan berkaitan dengan kes tersebut pada 23 September 2011. Setelah meneliti kertas siasatan tersebut, Jabatan Peguam Negara mendapati siasatan yang tersebut masih belum lengkap. Sehubungan dengan itu, kertas siasatan telah diserahkan semula kepada pihak polis pada 7 Oktober 2011 supaya siasatan dilengkapkan.

Jabatan Peguam Negara akan membuat keputusan berkaitan dengan pertuduhan terhadap mana-mana individu yang terlibat hanya apabila segala siasatan oleh pihak polis lengkap dan berdasarkan bukti yang ada.

NO. SOALAN: 28

Menaenai pertanvaan (b):

Selanjutnya, berhubung dengan pertuduhan Syarie terhadap YB Permatang Pauh, menurut maklumat daripada Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), pihak penguatkuasaan JAWI masih belum menjalankan apa-apa siasatan terhadap pelaku di dalam video klip tersebut kerana tidak ada maklumat ataupun aduan secara rasmi dibuat dengan pihak JAWI mengenai perkara tersebut.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. MENTERI KESIHATAN MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN DING KUONG HUNG [SARIKEI]
TARIKH 18 OKTOBER 2011
SOALAN**

Tuan Ding Kuong Hiing [Sarikei] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan sejauh manakah usaha KKM menjadikan Hospital Besar Sarikei sebagai sebuah Hospital Pakar sehingga sekarang dan menyatakan secara terperinci rancangan-rancangan khasnya kemudahan peralatan, sumber manusia dan modal insan.

Tuan Yang di-Pertua,

Hospital Sarikei adalah satu-satunya hospital baru di Sarawak yang dibina dalam RMKe-8 dengan kos RM250 juta di bawah projek *turnkey*. Ia menggantikan hospital lama dan telah dilengkapi dengan 212 katil serta kemudahan dan peralatan untuk memberi perkhidmatan sebagai hospital berpakar. Ia telah mula beroperasi semenjak tahun 2006.

Perancangan sememangnya untuk menjadikan Hospital Sarikei sebuah hospital berpakar minor secara berperingkat dengan menyediakan sehingga 10 disiplin utama, iaitu bidang Perubatan Am, Pediatrik, Surgeri Am, Ortopedik, Obsterik & Ginekologi, Patologi, Radiologi,

Perubatan Kecemasan, Psikiatri dan Anestesiologi, dengan pertambahan bilangan pakar-pakar perubatan, pegawai perubatan dan staf sokongan yang lain. Kemudahan-kemudahan dan peralatan- peralatan setakat ini adalah mencukupi untuk ianya berfungsi sebagai sebuah hospital berpakar.

Buat masa ini Hospital Sarikei hanya mempunyai 2 orang pakar perubatan dalam bidang Pediatrik dan Obstetrik & Ginekologi. Perkhidmatan pakar lawatan daripada Hospital Sibu dan Hospital Umum Sarawak juga dijalankan secara berjadual.

Masalah utama dalam penyediaan perkhidmatan kepakaran adalah kekangan sumber manusia. Pada masa ini, pengisian jawatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional adalah sebanyak 59.5 peratus, Kumpulan Sokongan I sebanyak 98.6 peratus; dan Kumpulan Sokongan II sebanyak 94.05 peratus. Secara umumnya pengisian jawatan doktor adalah sebanyak 57.9 peratus. Pengisian jawatan kosong akan dibuat secara berperingkat dan dijangkakan bahawa pengisian akan meningkat pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua,

Tenaga manusia perubatan akan dapat dipertingkatkan di hospital ini dengan bertambahnya bilangan Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) yang berkhidmat dengan kerajaan. PPS yang tamat latihan siswazah akan ditempatkan di hospital luar bandar termasuklah di Hospital Sarikei. Peluang untuk melanjutkan pembelajaran ke peringkat sarjana dengan lebih mudah juga merupakan salah satu insentif bagi pegawai perubatan untuk berkhidmat di Negeri Sarawak. Kementerian Kesihatan juga akan menempatkan pakar ke luar bandar untuk tempoh 6 bulan dan diberi elaun

agar dapat meningkatkan bilangan pakar yang ditempatkan di pedalaman termasuklah di Hospital Sarikei.

KKM juga menawarkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) supaya pakar-pakar dari IPTA / IPTS dapat menyediakan perkhidmatan kepakaran di Hospital Sarikei. Dengan ini, KKM akan dapat menyediakan perkhidmatan kepakaran kepada rakyat dan pakar-pakar dari IPTA / IPTS tersebut juga dapat mengamalkan kemahiran perubatan di hospital tersebut. Pelajar perubatan dari IPTA / IPTS yang ditempatkan di hospital berkenaan juga mendapat manfaat menerusi lebih banyak pendedahan klinikal.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi meningkatkan akses pembedahan oleh pakar bedah kepada lebih ramai pesakit di Sarawak khasnya dari sekitar Sarikei dan Sibu yang seterusnya dapat mengurangkan masa menunggu pembedahan, satu karnival aktiviti kesihatan Program Perubatan akan dilaksanakan pada bulan November dan Disember 2011. Aktiviti utama adalah merangkumi sesi pembedahan selama 11 hari bermula dari 21 November 2011 sehingga 25 November 2011 selama 5 hari antara 8 pagi hingga 5 petang, pada 29 November 2011 sehingga 2 Disember 2011 selama 4 hari dan 2 hari bagi pembedahan berkhatan. Pasukan pembedahan yang akan melakukan pembedahan terpilih itu akan didatangkan dari hospital di Semenanjung. Jangkaan bilangan pembedahan yang akan dilakukan adalah 10 kes setiap hari bekerja menjadikan 110 kes dan apabila termasuk kes berkhatan, jumlah keseluruhan kes pembedahan adalah 210 kes. Bagi rawatan selepas pembedahan, kes-kes ini akan dirawat di wad-

wad sedia ada. Pada masa yang sama program saringan kesihatan akan diadakan bertempat di Klinik Pakar Hospital Sarikei. Program Promosi Kesihatan pula turut dijalankan serentak dengan Program Derma Darah. Bagi menjayakan program-program ini pelbagai pihak agensi kerajaan dan bukan kerajaan termasuk Pejabat Kesihatan Bahagian Sarikei dan Pusat Sumber Transplan Kebangsaan, Hospital Kuala Lumpur akan mengambil bahagian.

Mo- soALAnJ •.
3o HO rMMr^

i ^ * ^{MO AIP.}
nur?

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN LISAN

DARIPADA Y. B TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG]

TARIKH 18 OKTOBER 2011

RUJUKAN 4107

SOALAN:

Y.B Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan orang mengikut negara asal dan bangsa yang telah diberikan kewarganegaraan dalam lima (5) tahun yang lalu dan tempoh masa yang diambil untuk memproses permohonan-permohonan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Selayang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, Jabatan Pendaftaran Negara sedang menyelesaikan permohonan-permohonan semasa. Walau bagaimanapun, tempoh masa yang diambil untuk memproses permohonan taraf kewarganegaraan yang telah lengkap adalah selama 1 tahun dari tarikh permohonan yang lengkap diterima di Ibu Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara, Putrajaya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini tidak menyimpan rekod jumlah penganugerahan taraf kewarganegaraan yang telah diberikan mengikut negara asal pemohon.

Walaupun bagaimanapun, Kementerian ini mempunyai statistik jumlah pemohon yang telah berjaya dianugerahkan taraf kewarganegaraan mengikut bangsa atau keturunan tertinggi bagi tempoh lima (5) tahun yang lalu.

Statistik perkara yang tersebut di atas adalah seperti di jadual-jadual berikut:

Jumlah pemohon yang telah berjaya dianugerahkan taraf kewarganegaraan Malaysia dari tahun 2007 hingga Ogos 2011:

Tahun	Jumlah
2007	426
2008	1,186
2009	4,777
2010	15,182
2011(Sehingga Ogos 2011)	6,148
Jumlah Keseluruhan	27,719

Statistik penganugerahan taraf kewarganegaraan mengikut 5 bangsa tertinggi:

Bangsa	Jumlah
Indonesia	9,366
Cina	5,282
India	3,789
Thai	900
Filipino	542
Lain-lain	7,840
Jumlah Keseluruhan	27,719

UO-SoALAnI

*• NO.

AUM~r36"

NOAOP'S

	PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB	
	LISAN	
PERTANYAAN	DEWAN RAKYAT	LISAN
DARIPADA	DATUK DR. MARCUS MOJIGOH [PUTATAN]	
TARIKH	18 OKTOBER 2011	
RUJUKAN		4110

SOALAN:

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan

- (a) jumlah warga asing yang telah diberikan status penduduk tetap serta alasan pemberian status tersebut, menurut pecahan negara asal mereka; dan
- (b) jumlah permohonan untuk menjadi warganegara yang telah diluluskan dan ditolak (serta alasan mengapa ditolak) khasnya permohonan oleh kaum Cina di negeri Sabah.

JAWAPAN:
Terima kasih kepada Yang Berhormat Putatan yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini,

- (a) Jumlah warga asing yang telah diberikan status pemastautin tetap mengikut pengeluaran MyPR adalah seramai 300,474 orang. Pemberian status pemastautin tetap kepada orang asing adalah melalui permohonan permit masuk dengan Jabatan Imigresen Malaysia tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan. Setelah memperolehi permit masuk, seterusnya mereka layak untuk memohon kad pengenalan bertaraf Pemastautin Tetap (MyPR).

- (b) Jumlah permohonan taraf kewarganegaraan oleh kaum Cina di Sabah yang telah diluluskan adalah sebanyak 567 permohonan. Antara sebab-sebab sesuatu permohonan itu tidak dipertimbangkan adalah disebabkan tidak mempunyai pengetahuan dalam Bahasa Melayu, tidak berkelakuan baik dan tidak mempunyai niat untuk bermastautin secara tetap di Malaysia.

DARIPADA : Y.B. TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB
: [KUBANG KERIAN]

PERTANYAAN : LISAN TARIKH
: 18/10/2011

SOALAN

Y.B. TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB [KUBANG KERIAN] minta

MENTERI KEWANGAN menyatakan berapakah jumlah wang ehsan yang telah dibelanjakan untuk negeri Kelantan. Nyatakan bentuk agihan wang ehsan tersebut dan adakah Kerajaan negeri dirundingkan dalam perbelanjaan wang ehsan ini.

JAWAPAN

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Dana Wang Ehsan Negeri Kelantan yang telah dibelanjakan mulai tahun 2010 sehingga 21 September 2011 adalah sebanyak RM20,537,046 yang telah diagihkan seperti berikut:

- (i) Sebanyak RM11,260,300 adalah untuk Bantuan Kepada Pelajar yang telah dinikmati oleh 50,554 orang pelajar sekolah rendah dan menengah;

- (ii) Sebanyak RM1,167,800 adalah untuk Bantuan Pelajar Cemerlang dalam peperiksaan UPSR, PMR, SPM dan STPM yang telah diterima oleh 8,974 orang pelajar;

- (iii) Sebanyak RM5,121,100 bagi Bantuan Kemasukan Ke IPTA, Politeknik dan Matrikulasi/Asasi yang melibatkan 9,060 orang pelajar.

- (iv) Sebanyak RM66,000 bagi Bantuan Kepada Pesakit Penyakit Kronik kepada 132 orang pesakit;

- (v) Sebanyak RM1,801,423 adalah untuk Bantuan Bencana yang melibatkan 8,875 orang penduduk;

- (vi) Sebanyak RM699,000 sebagai bantuan kepada 699 orang pelajar untuk kembali semula Ke Mesir; dan
- (vii) Sebanyak RM421,423 untuk membiayai penganjuran majlis penyampaian Bantuan Kepada Pelajar.

Untuk makluman Yang Berhormat, wakil Kerajaan Negeri Kelantan turut menjadi ahli dalam Jawatankuasa Pengagihan Wang Ehsan yang dipengerusikan oleh Y.B Timbalan Menteri Kewangan. Walau bagaimanapun sehingga ini, wakil Kerajaan Negeri Kelantan hanya hadir sekali sahaja dalam mesyuarat tersebut.

SOALAN NO:33

PERTANYAAN : LISAN

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DARIPADA : YB TUAN KARPAL SINGH

TARIKH : 18 OKTOBER 2011 (SELASA)

SOALAN :

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bersedia untuk meminda Akta Undang-undang Sivill 1956 untuk memasukkan kehilangan pendapatan masa depan sebagai ganti rugi melebihi umur bersara 58 tahun dalam kedua-dua sektor awam dan swasta. Jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

**DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL
AZIZ MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Terlebih dahulu, hendaklah ditegaskan bahawa Akta Undang-Undang Sivill 1956 (Akta 67) menyediakan kerangka perundangan mengenai hal-hal yang berkaitan dengan prosiding guaman dan bukannya mengenai usia persaraan semata-mata.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedang menimbangkan keperluan meminda Akta Undang-undang Sivill 1956 [Akta 67] untuk menaikkan had tempoh umur bagi perkiraan kehilangan pendapatan masa depan sebagai ganti rugi serta kehilangan saraan oleh waris simati. Sebelum Kerajaan bercadang untuk meminda Akta 67 tersebut, Kerajaan perlu menjalankan kajian mengenai hal perkara yang hendak dipinda itu.

Seksyen 28A Akta 67 memperuntukkan bahawa seseorang itu layak mendapat ganti rugi kehilangan pendapatan masa depan sehingga mencapai umur 55 tahun dan sekiranya pada masa kecederaan

seseorang itu telah mencapai umur 55 tahun, beliau tidak layak mendapat ganti rugi kehilangan pendapatan masa depan¹. Seksyen 7 Akta tersebut pula memperuntukkan bahawa waris simati layak mendapat ganti rugi kehilangan saraan yang pada kebiasaannya diterima daripada simati sehingga umur simati mencapai 55 tahun dan sekiranya pada waktu kematian simati telah mencapai umur 55 tahun, tiada ganti rugi kehilangan saraan akan diberikan kepada waris simati².

Dimaklumkan bahawa isu sama ada pindaan perlu dibuat kepada Akta 67 tersebut timbul disebabkan pindaan yang dibuat kepada Akta Pencen 1980 [Akta 227] pada tahun 2008. Pindaan kepada Akta 227 antara lainnya telah melanjutkan usia persaraan paksa yang baru pegawai-pegawai yang bekerja sepenuh masa dalam perkhidmatan awam daripada 56 tahun kepada 58 tahun.

Merujuk kepada sektor swasta, Kerajaan pada dasarnya sebagaimana yang telah diumumkan oleh Menteri Sumber Manusia baru-baru ini³, bersetuju untuk menetapkan had umur minimum persaraan yang baru. Dalam masa yang sama, Kerajaan turut mengambil maklum cadangan *Malaysian Employers Federation* (MEF), *Malaysian Trade Union Congress* (MTUC) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang mencadangkan had umur minimum persaraan yang baru kepada 60 tahun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun usia persaraan paksa bagi perkhidmatan awam kini adalah 58 tahun dan sektor swasta juga dalam pertimbangan untuk dinaikkan, ini tidak bermakna peruntukan seksyen 7 dan 28A Akta 6 tersebut mestilah secara automatik dipinda

mengikut kenaikan tersebut. Ini kerana sebarang pindaan seumpamanya akan mengakibatkan implikasi kewangan kepada semua litigan dan hal ini memerlukan kajian yang lebih mendalam dijalankan oleh Kerajaan. Oleh itu, isu sama ada had umur di bawah seksyen 28A dan seksyen 7 Akta Undang-Undang Sivill 1956 akan mengikut had umur ini dalam persaraan atau pada apa-apa had umur yang sesuai akan diputuskan hanya s

NO SOALAN: 34

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Sekian. Terima kasih.

PERTANYAAN : LISAN /

DARIPADA Y.B TUAN
TONY PUA
KIAM WEE
(PETALING
JAYA UTARA)

TARIKH

18.10.2011
(SELASA)

SOALAN :

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan secara terperinci sebab Kerajaan membeli 257 buah kereta perisai daripada Deftech Sdn. Bhd. dengan harga RM7.8 bilion walaupun Deftech dilaporkan membeli 257 buah kereta tersebut daripada syarikat Turkey FNSS dengan harga US\$559 juta (RM1.68 bilion) sahaja.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertahanan ingin menegaskan bahawa harga yang telah dimuktamadkan bagi perolehan 257 buah Kenderaan Perisai Anggota (APC) adalah bernilai RM7.550 bilion bagi tempoh tujuh tahun mulai tahun 2011 hingga tahun 2018 dan bukannya RM7.8 bilion seperti yang dinyatakan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertahanan tidak mempunyai sebarang maklumat berhubung pembelian 257 buah kereta perisai tersebut oleh DEFTECH yang dilaporkan membeli dengan syarikat Turkey FNSS pada harga US\$559 juta (RM1.68 bilion) sahaja. Oleh itu, persoalan yang dikemukakan adalah di luar pengetahuan pihak Kementerian. Namun demikian, Kementerian mengesahkan bahawa *base line vehicle* dan *one man turret* bagi kenderaan APC ini menggunakan material dan teknologi daripada syarikat pertahanan dari negara Turki tersebut.

P
E
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

P
DARIPADA
E
RAWASAN
T
TARIKH
NO. SOALAN
Y
A
TUAN LIEW CHIN TONG
A
N
ANTARABANGSA
A
Y
A
N
KERAJAAN PERSEKUTUAN

LISAN
TUAN LIEW CHIN TONG
BUKIT BENDERA
18.10.2011 (SELASA)

TUAN LIEW CHIN TONG minta MENTERI PERDAGANGAN
ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan jumlah
permohonan, keputusan, dan geran yang disediakan atau
dialokasikan (RM), mengikut jenis geran kepada semua
industri kecil dan sederhana (IKS) yang dibekalkan oleh
Kerajaan Persekutuan, dari tahun 2000 hingga 2011.

Tuan Yang Dipertua,

Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) merupakan salah satu
sektor penting yang menyumbang kepada pertumbuhan
ekonomi negara yang mapan dan menyeluruh. Menyedari
kepentingan PKS, pelbagai bantuan telah disediakan oleh
Kerajaan termasuk pemberian skim geran. Sepanjang tahun

2000 hingga 2011. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri melalui SME Corp telah menerima peruntukan geran sebanyak RM 694.7 juta.

Bagi tahun 2001 hingga 2010, terdapat 16 jenis Skim Geran yang disediakan yang mana sejumlah 35.629 permohonan telah diterima. Di antara Skim Geran yang disediakan adalah seperti berikut:

- i) Skim Geran untuk perancangan dan pembangunan perniagaan;
- ii) Geran E-Dagang
Skim Peningkatan Produk dan Proses;
Geran E-Perkilangan;
Geran Bersamaan untuk Pembungkusan Produk; dan
- iii) Geran Pembangunan Pasaran.

Daripada jumlah tersebut, 29,238 permohonan telah diluluskan dengan jumlah geran sebanyak RM677 juta. Namun begitu, Skim Geran berkenaan telah ditamatkan pada 30 November 2009. Pemansuhan Skim Geran bertujuan menurunkan kebergantungan PKS terhadap bantuan kewangan oleh Kerajaan seterusnya akan membentuk PKS yang berdava saing dan berdava tahan. PKS yang berdaya saing akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang seimbang. menyeluruh,

dan menekankan prinsip meritokrasi.

Bagi menggantikan skim geran, mulai 25 Januari 2011, SME Corp. Malaysia telah melancarkan dua (2) program pembangunan baru secara bersepadu iaitu dengan izin *Business Accelerator Programme (BAP)* dan *Enrichment and Enhancement Programme (E²)*. Kedua-dua program tersebut adalah untuk membantu PKS untuk menguukuhkan teras perniagaan, membina keupavaan dan kapasiti serta kemudahan akses kepada pembiayaan. Kedua-dua Program baru ini yang diuruskan bersama SME Bank dan Bank Rakyat menumpukan kepada skim pinjaman mudah bagi membangunkan modal kerja serta kapasiti svarikat.

Selain itu, SME Corp, masih menyediakan beberapa kemudahan skim pinjaman mudah antaranya:

- I) Skim Pinjaman Mudah Automasi:
- II) Skim Pinjaman Mudah untuk Teknologi Maklumat:
- III) Skim Pinjaman Mudah Perubahan Lokasi Kilang; dan
- IV) Dana Khas Kerajaan Persekutuan.

Sehingga 31 Ogos 2011, sebanyak 2,128 permohonan telah diterima dengan 1.545 permohonan diluluskan dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM 685.89 iuta. Penerima-penerima

**Skim Pinjaman Mudah tersebut termasuk sektor pembuatan.
perkhidmatan. pertanian. dan perhutanan.**

Walaupun bagaimanapun, jumlah geran yang dinyatakan ini hanya meliputi geran yang dikeluarkan oleh SME Corp. Kementerian-kementerian dan agensi-agensi Kerajaan lain turut mengeluarkan geran yang boleh dimanfaatkan oleh PKS sepanjang tahun 2000-2011.

NO. SOALAN: 36

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN [PETALING JAYA SELATAN]

TARIKH : 18 OKTOBER 2011 (SELASA)

SOALAN:

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta PERDANA MENTERI menyatakan mengapa Kerajaan menarik balik kes saman ke atas bekas Pengerusi Eksekutif Malaysia Airline (MAS), Tan Sri Tajuddin Ramli berkenaan dengan kerugian RM 8 Billion ketika MAS diterajui oleh Tan Sri Tajuddin antara tahun 1994 sehingga 2001.

JAWAPAN: PATO'SERIMOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan berkaitan isu yang sama telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Ipoh Timur dan Petaling Jaya Utarapada 4 Oktober 2011 dan 12 Oktober 2011. Sepertimana yang telah dinyatakan sebelum ini, kes yang melibatkan Tan Sri Tajuddin Ramli, dan badan berkaitan Kerajaan iaitu GLC kini berada di peringkat pengurusan kes (case management) di mahkamah. Oleh yang demikian, tiada sebarang komen dapat diberikan kerana perkara ini adalah subjudis dari segi perundangan.

Sekian. Terima kasih.

Soalan No : 37

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM (SEPUTEH)
TARIKH	18.10.2011

SOALAN:

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan SJKC, SJKT dan Sekoiah Menengah Jenis Kebangsaan yang baru yang diluluskan oleh Kementerian Pelajaran pada tempoh 2008 sehingga 2011. Sila nyatakan apa yang akan dilakukan oleh Kementerian Pelajaran untuk mengatasi peningkatan permintaan terhadap aliran sekoiah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi tempoh 2008 hingga 2011, jumlah Sekoiah Jenis Kebangsaan Cina (SKJC) dan Sekoiah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) baru yang telah diluluskan adalah sebanyak 8 buah. Jumlah tersebut melibatkan 7 buah SJKC dan sebuah SJKT manakala dalam tempoh tersebut tidak terdapat pembinaan sekoiah baru bagi Sekoiah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK).

Bagi mengatasi masalah sekoiah enrolmen besar di semua sekoiah termasuk SJKC dan SJKT, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) akan melaksanakan beberapa kaedah penyelesaian antaranya:

- i. Menempatkan murid-murid di kawasan yang berhampiran tempat kediaman mereka.

- ii. Menyediakan peruntukan bagi penambahan bilik darjah, penyediaan bangunan tambahan jika sekolah tersebut mempunyai kawasan untuk pembinaan bangunan baru. Namun, peruntukan yang disediakan adalah berdasarkan permohonan yang dikemukakan dan diteliti secara terperinci mengikut keutamaan dan *case by case*. Perlu juga ditegaskan bahawa kemampuan kewangan semasa Kerajaan adalah faktor utama dalam melaksanakan sesuatu projek.

Rjm 31

SOALAN	BAGI JAWAB LISAN
DARIPADA	TUAN LIM KIT SIANG [IPOH TIMUR]
TARIKH	18 OKTOBER 2011
SOALAN	38

Tuan Lim Kit Siang minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kenapa pemeriksaan kenderaan diperlukan untuk

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
pemindahan nama kepada warga masyarakat yang ia bukan suatu urusan
niaga. DEWAN RAKYAT

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan pada tahun 2007 telah bersetuju untuk mewajibkan pemeriksaan ke atas kenderaan persendirian sebelum dibenarkan untuk melakukan transaksi bagi pertukaran hak milik. Tujuan pemeriksaan ini dijalankan adalah untuk melindungi kepentingan pemilik baru kenderaan kerana terdapat banyak kes di mana kenderaan yang terlibat merupakan kereta curi atau potong sambung. Selain itu, pemeriksaan tersebut juga untuk memastikan kenderaan berkenaan berada dalam keadaan *roadworthy* (selamat digunakan di jalan raya).

Untuk makluman Dewan Yang Mulia, pemindahan nama kepada waris adalah suatu bentuk transaksi pertukaran hak milik yang tertakluk kepada Seksyen 12 Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 walaupun tidak berlaku urusan jual beli. Hal ini tidak berbeza dengan konsep pemindahan hak milik harta lain seperti rumah, tanah dan sebagainya yang mana pihak tertentu mengenakan sejumlah fi perkhidmatan untuk melakukan urusan pemindahan hak milik aset tersebut.

PERTANYAAN : LISAN 2

DARIPADA DATO' SRI HAJI ZULHASNAN BIN RAFIQUE

SULIT

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
[SETIAWANGSA - BN]

TARIKH 18 OKTOBER 2011 (SELASA)

SOALAN NO. 39

Dato' Sri Haji Zulhasnan bin Rafique [Setiawangsa - BN] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan keberkesanan strategi Kerajaan di dalam pewujudan pengkhususan pusat-pusat sukan dengan kemudahan prasarana latihan dan stadium yang lengkap bagi sukan-sukan tertentu dan peranan sektor korporat di dalam menjayakan program ini.

JAWAPAN

1. Untuk makluman Yang Berhormat, strategi Kerajaan di dalam mewujudkan kemudahan prasarana latihan dan stadium yang lengkap serta khusus kepada sesuatu sukan amatlah berkesan. Dengan wujudnya kemudahan sedemikian, negara kita dapat melahirkan atlet yang berkualiti tinggi kerana dapat menjalani latihan seharian di kemudahan yang mengikut spesifikasi dan keadaan sebenar *venue* pertandingan.
2. Hasilnya, negara kita telah pun berjaya melahirkan atlet-atlet negara yang bertaraf dunia seperti seperti Dato' Lee Chong Wei, Koo Kien Keat, Tan Boon Heong (Badminton), Dato' Nicol Ann

SULIT

David, Ong Beng Hee, Azlan Iskandar (Skuasy), Azizulhasni Awang, Rizal Tisin (Berbasikal Trek), Leong Mun Yee, Pandalela Rinong (Terjun), Mohd Romzi Muhammad, Ahmad Latif Khan (Pelayaran), Nur Suryani Taibi dan Nur Ayuni (Menembak, Muhammad Zulfahmi Khairudin (MotoGP), Fairuz Fauzy (Lotus Renault F1') dan ramai lagi.

3. Selain daripada itu, negara kita juga sentiasa mempunyai kelebihan untuk menganjurkan kejohanan-kejohanan sukan bertaraf antarabangsa seperti Formula One, Moto GP, Kejohanan Skuasy Terbuka Kuala Lumpur, Kejohanan Hoki Asia dan Dunia, Kejohanan KFC International Langkawi Regatta, IODA Asia dan Dunia serta banyak lagi.

SULIT

4. Dari segi penglibatan sektor korporat, sehingga kini hanya Syarikat Konglomerat Negara, Sime Darby yang telah membina Stadium Tertutup Boling Padang Bayuemas dan Bayuemas Cricket Oval di Pandamaran, Klang. Pihak Sime Darby juga kini dalam perancangan untuk mewujudkan Sime Darby Vision Valley di Labu, Negeri Sembilan yang akan menempatkan akademi sukan tertentu.

SOALAN NO: 40

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]

TARIKH 18 OKTOBER 2011

SOALAN:

DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh manakah kesediaan pihak Kerajaan untuk tidak mengadakan Pilihan Raya Umum ke 13 sebelum usaha membersih senarai pemilih dilakukan dan melaksanakan ke semua lapan tuntutan NGO dan parti politik ke arah pilihan raya yang lebih bebas, telus dan

adil.

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hak untuk membubarkan Parlimen bagi menjalankan Pilihan Raya Umum adalah budi bicara [*prerogative*) Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong atas nasihat eksekutif Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tugas SPR hanyalah melaksanakan apa yang telah diperuntukkan di dalam Perkara 113 dan 114 Perlembagaan Persekutuan yang antara lain menggariskan fungsi utama SPR adalah seperti yang berikut;

- (i) Menjalankan pilihan raya umum ke Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri dan menjalankan pilihan raya kecil sekiranya berlaku kekosongan;
- (ii) menjalankan urusan pendaftaran pemilih dan semakan daftar pemilih; dan,
- (iii) membuat kajian dan persempadanan semula bahagian-bahagian

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMEDNAZRI ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

pilihan raya Parlimen dan negeri setiap tidak kurang daripada lapan tahun selepas tarikh siapnya urusan kajian dan persempadanan semula yang terdahulu.

Dalam konteks urusan pendaftaran pemilih, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembersihan Daftar Pemilih dilakukan setiap hari terhadap pemilih vana meninaaal dunia. pemilih vana bertukar alamat. pemilih awam vana menvertai tentera atau polis. pemilih pos tentera atau polis vana bertukar menjadi pengundi awam dan pemilih yang hilang kelavakan sebagai pemilih berdaftar

Mengenai perkara-perkara yang menjadi tuntutan "*BERSIH 2.0*", untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara-perkara tersebut bukan baru kerana ia juga sering dibangkitkan di dalam Mesyuarat Parlimen, sama ada di Dewan Rakyat mahupun Dewan Negara oleh Ahli Yang Berhormat yang telah dipilih oleh rakyat secara sah di sisi Perlembagaan.

Malah, tanpa tuntutan tersebut pun, perkara-perkara ini telah lama menjadi fokus SPR. Ini kerana SPR senantiasa bersedia melakukan anjakan paradigma dan transformasi untuk melakukan usaha pengupayaan dan penambahbaikan di dalam pengurusan dan operasinya bagi memastikan tiga fungsi utama SPR dilaksanakan dengan lebih telus. berintegriti dan efektif demi menjamin demokrasi terus hidup subur di Malaysia. Bagaimanapun. sebarang usaha tersebut hendaklah berasaskan kepada Perlembagaan Persekutuan dan lunas sistem demokrasi negara.

Walau bagaimanapun, sekiranya Ahli Yang Berhormat berpendapat proses pilihan raya yang sedia ada perlu ditambahbaik lagi maka eloklah dikemukakan pandangan dan cadangan tersebut kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Rava untuk dikaji sebelum dikemukakan kepada SPR untuk dilaksanakan mengikut masa dan keadaan serta kemampuan.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN:

41 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B DATO' HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL
RAHMAN (PASIR SALAK)

TARIKH 18 OKTOBER 2011

SOALAN

DATO' HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL RAHMAN minta PERDANA MENTERI menyatakan mengenai tanda tanya dan kegelisahan masyarakat umum berhubung dengan terdapatnya kes-kes di mahkamah yang ditangguh berkali-kali sehingga mengambil masa bertahun-tahun perbicaraan dan kemungkinan menjejaskan proses menegakkan keadilan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kebenaran penangguhan sesuatu kes di mahkamah adalah merupakan kuasa budi bicara seseorang hakim dan tidak akan dilaksanakan dengan sewenang-wenangnya.

Mahkamah hanya akan membenarkan permohonan mana-mana pihak untuk menangguhkan perbicaraan sesuatu kes sekiranya penangguhan dibuat di atas alasan yang kukuh dan munasabah.

Selain itu, persetujuan pihak-pihak juga turut diambil kira sebelum sesuatu

keseluruhan ditanggung oleh mahkamah bagi mengelakkan pertikaian berlaku
di antara pihak-pihak.
JAWAPAN YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEDUA BELAS _____ (2011)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA YB TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA
[BACHOK]**

TARIKH 18 OKTOBER 2011 (SELASA)

SOALAN:

Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [Bachok] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah fungsi Majlis Perundingan Islam yang ditubuhkan oleh kerajaan dan untuk tiga tahun yang lepas berapa kalikah mesyuarat tersebut telah dijalankan dan apakah hasil daripada mesyuarat-mesyuarat tersebut.

**JAWAPAN: (YB SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL
KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Majlis Perundingan Islam (MPI) bertindak sebagai badan yang bertanggungjawab memberi nasihat dan cadangan kepada Kerajaan dalam pelaksanaan program pembangunan negara mengikut perspektif Islam.

Fungsi Majlis Perundingan Islam (MPI) ialah seperti berikut:

- i. meneliti dan mengkaji aspek-aspek yang berkaitan dengan pembangunan ekonomi serta mengemukakan cadangan penambahbaikan ke arah memantapkan kedudukan ekonomi umat Islam;
- ii. meneliti dan mengkaji isu-isu berkaitan dengan perundangan serta mengemukakan cadangan ke arah mewujudkan penyelarasan dan mengukuhkan institusi perundangan Islam di Malaysia;
- iii. meneliti dan mengkaji isu-isu yang berkaitan dengan kedudukan dan tahap kehidupan sosial umat Islam serta mengemukakan cadangan-cadangan ke arah mengukuhkan lagi tahap peradaban umat Islam;
- iv. meneliti dan mengkaji isu-isu berkaitan pendidikan serta mengemukakan cadangan penambahbaikan ke arah memperkasakan lagi tahap pendidikan negara; dan
- v. meneliti dan mengkaji serta mengemukakan cadangan ke arah memantapkan lagi mekanisma dakwah islamiyah yang dilaksanakan bagi memperkukuhkan kedudukan Islam sebagai agama rasmi negara dan mewujudkan suasana yang lebih harmoni dengan penganut pelbagai agama di negara ini.

Setakat ini, setelah tiga tahun penubuhannya, MPI telah bersidang sebanyak tiga kali iaitu pada 28 Ogos 2008, 13 April 2009, dan 21 Jun 2010. Beberapa cadangan telah dikemukakan, antaranya adalah

seperti berikut:

- a. supaya ditubuhkan badan yang bertanggungjawab memberikan kursus/seminar/latihan kepada syarikat-syarikat yang ingin memohon pensijilan halal supaya mereka lebih jelas berkaitan keperluannya;
- b. supaya deraf pindaan Akta Percetakan Teks Al-Quran dipercepatkan agar pemantauan terhadap penjualan al-Quran dan buku-buku agama oleh orang bukan Islam dapat dipantau;
- c. supaya kader JAKIM di hospital ditambah perjawatan dan diwujudkan Lembaga Pelawat Islam di hospital-hospital bagi memastikan elemen dakwah di hospital dapat diterapkan;
- d. supaya dana baitulmal dapat digunakan untuk membayar elaun sukarelawan bagi tujuan dakwah;
- e. supaya perbincangan dengan pihak pengurusan PLKN/Kementerian Pertahanan dibuat bagi mendapatkan slot khas pengukuhan sakhsiah peserta PLKN menggunakan pendekatan Islam;
- f. supayasatu kajian keberkesanan dijalankan kepada kursus pra perkahwinan Islam yang dikendalikan oleh syarikat swasta dan agar diadakan juga kursus pasca perkahwinan kepada pasangan yang telah mendirikan perkahwinan selepas enam (6) bulan;
- g. supayapara mufti diberikan taraf Exco Agama agar pendapat

dan pandangan mereka dapat dijadikan rujukan serta panduan di peringkat membuat keputusan dan di Parlimen; dan

- h. supaya Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) diberi taklimat berkaitan panduan pembinaan rumah ibadat bukan Islam supaya penguatkuasaan dapat dilaksanakan.

Cadangan-cadangan sebagai rumusan daripada mesyuarat yang tersebut di atas diteliti oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan dipanjangkan kepada agens/jabatan berkaitan untuk diambil tindakan yang bersesuaian.

Sekian terima kasih,

SOALAN NO: 43

PERTANYAAN
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

JAWAB LISAN

DARIPADA PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI [BATANG
SADONG]

TARIKH 18 OKTOBER 2011 (SELASA)

SOALAN:

Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [Batang Sadong] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan sama ada Kementerian mempunyai perancangan untuk membina perpustakaan desa di kawasan luar bandar dan menaik taraf perpustakaan desa yang sedia ada di kawasan luar bandar.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Adalah menjadi strategi Kerajaan untuk menubuhkan dan memperluaskan rangkaian perkhidmatan perpustakaan secara berperingkat ke seluruh negara, bertujuan memudahkan masyarakat di negara ini mendapat kemudahan bahan bacaan dan akses maklumat secara saksama di antara masyarakat di bandar dan di luar bandar.

Kerajaan juga turut merancang untuk menaik taraf Perpustakaan Desa di kawasan luar bandar dalam usaha menyeragamkan perkhidmatan

yang diberikan kepada penduduk setempat. Sebanyak 614 Perpustakaan Desa di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri akan dinaik taraf dari segi ^{SOALAN NO: 43} pengurusan dan prasarana manakala sebanyak 230 Perpustakaan Desa akan dilengkapi dengan kemudahan ICT dan perkhidmatan internet.